KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	09.03.22	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	TNB			

Dijel 14 hari kerana sogok pegawai TNB

SEREMBAN – Dua peniaga dijatuhi hukuman penjara 14 hari dan denda RM75,000 setiap seorang selepas mengaku bersalah atas pertuduhan menawarkan rasuah RM15,000 kepada pegawai Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi menutup aktiviti mencuri bekalan elektrik untuk perlombongan bitcoin semalam.

Goh How Keong, 50, dan Gan Tze Lee, 49, dijatuhi hukuman itu selepas mengaku bersalah di hadapan Hakim Rushan Lutfi Mohamed. Mereka membayar denda itu.

Mahkamah turut mengarahkan wang rampasan berjumlah RM83,380 dilucut hak kepada Kerajaan Malaysia melalui Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Tertuduh didakwa memberi sogokan RM15,000 kepada pegawai TNB supaya tidak mengambil tindakan ke atas pengusaha premis di Stadium Tuanku Abdul Rahman, Jalan Kenari, Taman Paroi Jaya di Seremban pada 5 November 2021.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 16 (b) (A) Akta SPRM 2009 yang memperuntukkan hukuman penjara 10 tahun dan denda.

Kedua-dua tertuduh diwakili peguam Siew Yen Mee, manakala Mohamad Azriff Firdaus Mohamad Ali bertindak selaku Timbalan Pendakwa Raya SPRM.

Berdasarkan fakta kes, kedua-dua tertuduh menawarkan rasuah sebagai dorongan untuk melindungi aktiviti mencuri bekalan elektrik di beberapa premis sekitar Negeri Sembilan yang menjalankan aktiviti perlombongan Bitcoin sejak pertengahan tahun 2021.



HOW KEONG (depan) dan Tze Lee (belakang) dibawa ke Mahkamah Sesyen Seremban atas kesalahan menyogok pegawai TNB semalam.